Pendakwa Raya (SPRM) lwn Mohd Nadzri bin Saad dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — RJK 42LB(A)-01–01 TAHUN 2015
HASHIM HAMZAH H
4 JANUARI 2017

Keterangan — Inferens sebaliknya — Akta Keterangan 1950 s 114(g) — Responden-responden dituduh dengan tiga tuduhan di bawah ss 16(a)(B) dan 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 — Sama ada kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi telah membangkitkan inferens sebaliknya ke atas kes pendakwaan — Sama ada saksi merupakan saksi material

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan — Responden-responden dituduh dengan tiga tuduhan di bawah ss 16(a)(B) dan 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 — Sama ada keterangan tidak bersumpah responden pertama disokong oleh keterangan sokongan — Sama ada terdapat dua inferen berbangkit — Sama ada kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi telah membangkitkan inferen sebaliknya ke atas kes pendakwaan — Sama ada terdapat percanggahan dalam keterangan saksi pembelaan

Responden pertama dan responden kedua yang merupakan anggota polis telah dituduh melakukan perbuatan meminta wang rasuah sejumlah RM10,000, menyetujui terima wang rasuah sejumlah RM6,000 dan memperolehi wang rasuah sejumlah RM4,000 daripada seorang yang bernama Pua Chai Loong ('Ah Loon') di Sweet Star Hotel dengan tujuan supaya Ah Loon dan kawan-kawannya tidak dibawa ke balai polis untuk ujian urin. Saksi pendakwaan menyatakan bahawa kedua-dua responden telah meminta wang RM10,000 daripada Ah Loon dan selepas tawar menawar telah menyetujui terima RM6,000 dan akhirnya telah menerima RM4,000 sebagai rasuah. Manakala keterangan pembelaan menegaskan tiada permintaan dan persetujuan menerima wang sebaliknya responden pertama meminta Ah Loon pergi mendapatkan tokan dadah tetapi Ah Loon tidak membawa tokan dadah sepertimana yang disuruh sebaliknya telah mendapatkan wang untuk memberi rasuah. Di akhir kes pembelaan, hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah mendapati bahawa kedua-dua responden telah berjaya mematahkan anggapan statutori di bawah s 50 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta') atas tahap imbangan kebarangkalian dan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan dan seterusnya memerintahkan kedua-dua responden dilepas dan dibebaskan daripada

ketiga-tiga pertuduhan yang mereka hadapi. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan rayuan semasa. Terdapat tiga alasan rayuan yang dibangkitkan iaitu: (a) HMS telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa pembelaan telah berjaya mewujudkan keraguan ke atas kes pendakwaan dan juga memutuskan bahawa responden-responden telah berjaya menyangkal anggapan di bawah s 50 Akta; (b) HMS telah terkhilaf apabila memutuskan untuk menerima keterangan SD3 sedangkan keterangan SD3 bertentangan dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan bersifat pemikiran terkemudian dan tambahan pula prosiding mencabar kebolehpercayaan saksi (*impeachment proceeding*) telah dijalankan ke atas SD3; dan (c) HMS telah tersalah arah yang serius apabila memutuskan bahawa kegagalan pihak pendakwaan memanggil Ah Loon sebagai saksi telah membangkitkan anggapan sebaliknya kepada kes pendakwaan dan ini adalah bertentangan dengan keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan.

Diputuskan, menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan HMS dalam melepas dan membebaskan kedua-dua responden:

(1) Berdasarkan fakta kes, adalah jelas bahawa kehadiran kedua-dua responden ke Sweet Star Hotel untuk membuat pemantauan adalah atas arahan SP14. Arahan SP14 adalah untuk menangkap tokan dadah dan melumpuhkan sindiket dadah yang beroperasi dari hotel tersebut. Keterangan responden pertama bahawa dia melepaskan Ah Loon untuk pergi mendapatkan tokan dadah telah diwujudkan seawal yang boleh melalui pernyataan dalam pemeriksaan (D20) yang dirakamkan di bawah s 53(3) Akta pada 21 Oktober 2011 iaitu sehari selepas tangkapan. Dapatan HMS bahawa keterangan tidak bersumpah responden pertama disokong oleh keterangan SP14 ada asasnya (lihat perenggan 14).

(2) Saksi pendakwaan SP1 memberi keterangan bahawa dia mendengar semua perbincangan yang berlaku di dalam bilik 758 di Sweet Star Hotel tetapi saksi SP13 yang juga berada di dalam bilik hanya mengetahuinya setelah diberitahu oleh Ah Loon. Responden pertama menafikan terdapat perbincangan tentang permintaan wang rasuah tetapi untuk memerangkap tokan dadah. Mahkamah mendapati, jika ada sekalipun perbincangan, ia adalah antara responden pertama dan Ah Loon. Berdasarkan keterangan pembelaan, HMS adalah betul di dalam dapatannya berkaitan dua inferen yang berbangkit. Ah Loon adalah saksi yang material. Berdasarkan kaedah keterangan terbaik, Ah Loon sepatutnya dipanggil untuk memberi keterangan (lihat perenggan 19).

(3) Nota keterangan tidak menunjukkan bahawa tatacara prosiding impeachment dipatuhi kerana pendakwaan hanya meminta penjelasan daripada SD3 dengan merujuk kepada keterangan lisan SD3 di mahkamah yang dikatakan bercanggah dengan percakapan yang diambil dari SD3 pada 29 Julai 2013 di bawah s 30(8) Akta ('eksh 23'). Terdapat

dua percakapan dalam pemeriksaan dirakamkan oleh pihak SPRM terhadap SD3. Pernyataan pertama adalah pada 21 Oktober di bawah s 53(3) Akta dan pernyataan kedua adalah P23. Yang dirujuk oleh pihak pendakwaan bagi tujuan prosiding impeachment adalah P23. Jika dibandingkan kedua-dua dokumen, kandungannya secara matannya adalah sama dan apabila SD3 ditanya berkaitan perkara ini, SD3 menyatakan bahawa dia hanya tandatangan sahaja selepas di print. Pihak pendakwaan gagal membuktikan kesahihan P23 ini (lihat perenggan 23 & 26).

[English summary

The first and second respondents, both policemen, were charged for committing the act of bribery for the sum of RM10,000, had agreed to accept bribes amounting for the sum of RM6,000 and had obtained bribes for the sum of RM4,000 from one Pua Chai Loong ('Ah Loon') at the Sweet Star Hotel for the purpose of avoiding Ah Loon and his friends from being brought to the police station for urine test. The prosecution's witness contended that both respondents had solicited money amounting to RM10,000 from Ah Loon and after bargaining they had agreed to accept RM6,000 and in the end, they had accepted RM4,000 as bribery. Whereas the defence's evidence contended that there was no application and agreement to accept money but the first respondent had asked Ah Loon to get the drug pusher instead, however Ah Loon did not get the drug pusher as asked but had acquired money for bribery instead. At the end of defence, the session court judge ('the SCJ') found that both respondents had succeeded in rebutting the statutory presumption under s 50 of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('the Act') on the balance of probability and had succeeded to raise a reasonable doubt on the prosecution's case and thus ordered both respondents to be acquitted and discharged from all three charges against them. Dissatisfied with the decision, the appellant filed the current appeal. There were three grounds of appeal raised ie: (a) the SCJ had erred when he decided that the defense had succeeded in raising a reasonable doubt against the prosecution's case and also when he decided that all respondents had succeeded in rebutting the presumption under s 50 of the Act; (b) the SCJ had erred when he decided to accept SD3 evidence whereas the SD3 evidence was contrary to the prosecution's witnesses and was an afterthought and furthermore the impeachment proceeding had been carried out unto SD3; and (c) the SCJ had seriously erred when the SCJ decided that the failure of the prosecution to call Ah Loon as a witness had raised the adverse inference against the prosecution and this was contrary to the overall evidence that had been submitted.

Held, dismissing the appellant's appeal and upholding the decision of the SCJ to acquit and discharge both respondents:

(1) Based on the facts of the case, it was clear that the presence of both

respondents at the Sweet Star Hotel to monitor was on the instruction of SP14. SP14's instruction was to capture the drug pusher and to cripple the drug syndicate operated from the hotel. The first respondent's evidence that he released Ah Loon to get the drug pusher had been established as early as possible through the statement during the examination (D20) recorded under s 53(3) of the Act on 20 October 2011, ie a day after the arrest. The SCJ found that the sworn statement of the first respondent supported by the statement of SP14 had basis (see para 14).

(2) The prosecution's witness SP1 gave evidence that he had heard all the discussions that were held in room 758 of the Sweet Star Hotel but another witness, SP13 who was also in the same room only knew about it after being told by Ah Loon. The first respondent denied that there was a discussion to solicit bribe money to capture the drug pusher. The court found that, if there was indeed a discussion, it was between the first respondent and Ah Loon. Based on the defence's evidence, the SCJ was correct on its finding related to the two consequential inferences. Ah Loon was a material witness. Based on the best evidence rule, Ah Loon should have been called to give evidence (see para 19).

(3) The notes of evidence did not disclose that the impeachment proceeding procedure had been complied with because the prosecution had only asked for an explanation from SD3 by referring to SD3's oral evidence in court purported to be contradictory with a statement taken from SD3 on 29 July 2013 under s 30(8) of the Act ('exh 23'). There were two statements during examination recorded by SPRM against SD3. The first statement was on 21 October under s 53(3) of the Act and the second statement was P23. The statement referred to by the prosecution during the impeachment proceeding was P23. If the two statements were compared with each other, the contents of both statements were materially the same and when SD3 was asked pertaining to this matter, SD3 stated that he only signed the statement after the statement was printed. The prosecution had failed to prove the validity of P23 (see paras 23 & 26).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai Akta Keterangan 1950 s 114(g), lihat 7(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 380–387.

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 231–241.

Kes-kes yang dirujuk

CGU Insurance Bhd v Asean Security Paper Mills Sdn Bhd [2006] 3 MLJ 1, MR (dirujuk)

DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)

Ganapathy a/l Rengasamy v PP [1998] 2 MLJ 577; [1998] 2 CLJ 1, MP (dirujuk)
Krishnan & Anor v PP [1981] 2 MLJ 121, MP (dirujuk)
Low Kian Boon & Anor v PP [2010] 4 MLJ 425, MP (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492, MA (dirujuk)
Muthusamy v PP [1948] 1 MLJ 57 (dirujuk)
Nguyen Quoc Viet v PP [2016] 2 MLJ 106; [2016] 1 CLJ 365, MR (dirujuk)
PP v Ku Yahya Ku Bahari & Anor [2002] 1 CLJ 113, MR (dirujuk)
PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324, MT (dirujuk)
Shaiful Nizam Sulaiman v PP [2004] 2 CLJ 121, MR (dirujuk)
Thavanathan a/l Balasubramaniam v PP [1997] 2 MLJ 401; [1997] 3 CLJ 150, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 30(8), 50, 53(3)
Akta Keterangan 1950 ss 32(i), 114(g), 145(1), (2), 155

Norzilati Izhani bt Zainal @ Zainol (Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak perayu.
Burhanudeen bin Abdul Wahid (Burhan & Co) bagi pihak responden pertama.
Pyara Singh a/l Dara Singh (Andrew Paul & Assoc) bagi pihak responden kedua.

Hashim Hamzah H:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah rayuan oleh pendakwa raya atas keputusan saya mengekalkan keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('HMS') dalam melepaskan dan membebaskan kedua-dua responden daripada tiga pertuduhan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) ('ASPRM 2009').

PERTUDUHAN-PERTUDUHAN KE ATAS RESPONDEN-RESPONDEN

[2] Ketiga-tiga pertuduhan ke atas responden-responden adalah seperti berikut:

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu dengan niat bersama, pada 20hb Oktober 2011 jam lebih kurang 10.30 pagi bertempat di Sweet Star Hotel, No. 10 & 11, Taman Tandop Utama, Jalan Tandop Utama 1,05400 Alor Setar di dalam Daerah Kota Setar, dalam Negeri Kedah Darul Aman, sebagai ejen Kerajaan Malaysia, iaitu Sub Inspektor RF 63303 dan Lans Koperal RF 134415 yang masing-masing bertugas di Cawangan Narkotik, Ibu Pejabat Daerah Kota Setar, Kedah *telah secara rasuah meminta untuk diri kamu, suatu suapan iaitu wang tunai RM10,000.00* daripada Pua Chai Loong

sebagai dorongan untuk tidak melakukan sesuatu yang berhubungan dengan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu melepaskan Pua Chai Loong dan rakan-rakannya daripada diambil tindakan atas kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu dengan niat bersama, pada 20hb Oktober 2011 jam lebih kurang 10.40 pagi bertempat di Sweet Star Hotel, No. 10 & 11, Taman Tandop Utama, Jalan Tandop Utama 1,05400 Alor Setar di dalam Daerah Kota Setar, dalam Negeri Kedah Darul Aman, sebagai ejen Kerajaan Malaysia, iaitu Sub Inspektor RF 63303 dan Lans Koperal RF 134415 yang masing-masing bertugas di Cawangan Narkotik, Ibu Pejabat Daerah Kota Setar, Kedah *telah secara rasuah menyetuju terima untuk diri kamu, suatu suapan iaitu wang tunai RM6,000.00* daripada Pua Chai Loong sebagai dorongan untuk tidak melakukan sesuatu yang berhubungan dengan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu melepaskan Pua Chai Loong dan rakan-rakannya daripada di ambil tindakan atas kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu dengan niat bersama, pada 20hb Oktober 2011 jam lebih kurang 2.30 petang bertempat di Sweet Star Hotel, No. 10 & 11, Taman Tandop Utama, Jalan Tandop Utama 1,05400 Alor Setar di dalam Daerah Kota Setar, dalam Negeri Kedah Darul Aman, sebagai ejen Kerajaan Malaysia, iaitu Sub Inspektor RF 63303 dan Lans Koperal RF 134415 yang masing-masing bertugas di Cawangan Narkotik, Ibu Pejabat Daerah Kota Setar, Kedah *telah secara rasuah memperoleh untuk diri kamu, suatu suapan iaitu wang tunai RM4,000.00* daripada Pua Chai Loong sebagai dorongan untuk tidak melakukan sesuatu yang berhubungan dengan hal ehwal prinsipal kamu, iaitu melepaskan Pua Chai Loong dan rakan-rakannya daripada di ambil tindakan atas kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

FAKTA RINGKAS KES PENDAKWAAN

[3] Secara ringkasnya berdasarkan pertuduhan yang dihadapi oleh responden-responden, pada tarikh dan masa yang berkenaan, responden pertama dan responden kedua telah dituduh melakukan perbuatan meminta wang rasuah sejumlah RM10,000, menyetujui terima wang rasuah sejumlah RM6,000 dan memperolehi wang rasuah sejumlah RM4,000 daripada seorang yang bernama Pua Chai Loong ('Ah Loon') di Sweet Star Hotel dengan tujuan

supaya Pua Chai Loong dan kawan-kawannya tidak dibawa ke balai polis untuk ujian urin. Fakta ringkas kes pendakwaan adalah seperti berikut: A

(a) pada 20 Oktober 2011 di antara jam lebih kurang 8 pagi dan 9 pagi, Khoo Shu Wang ('SP11'), Ramuchandran a/l Alagu ('SP12') dan kawan perempuan kepada SP12 iaitu Domo @ Ah Ting (nama sebenar Wong Fong Shian) telah pergi ke Sweet Star Hotel, Tandop dan telah memasuki bilik 758 yang telah ditempah oleh SP11 sehari sebelumnya; B

(b) di dalam bilik tersebut, mereka telah berbual dan berbincang hal kerja hinggalah SP12 tertidur dan SP11 telah keluar dari bilik 758 untuk mengambil majikan SP12 iaitu seorang yang dikenali sebagai Ah Loon; C

(c) tidak lama selepas itu, mengikut keterangan SP12, dia telah terjaga daripada tidur apabila bajunya basah disimbah air dan kemudiannya tangan SP12 telah digari. Pada masa itu terdapat beberapa orang yang tidak dikenali berada di dalam bilik tersebut. Mereka telah memperkenalkan diri polis dan menunjukkan satu botol yang dikatakan digunakan untuk mengambil dadah terletak di atas meja di dalam bilik 758 tersebut; D

(d) tidak lama selepas itu, satu panggilan telefon masuk ke talian telefon SP12 dan salah seorang anggota polis itu menyuruh Domo untuk bercakap menyatakan bahawa SP12 sedang tidur dan meminta pemanggil untuk datang ke bilik; E

(e) pada jam lebih kurang 10 pagi, Cheng Kai Sheng ('SP1'), SP11 dan Ah Loon sampai ke Sweet Star Hotel dan semasa mereka hendak memasuki bilik 758, mereka telah ditolak oleh beberapa orang polis ke dalam bilik tersebut dan pihak polis telah membuat pemeriksaan badan dan tidak menjumpai apa-apa. Ketiga-tiga mereka kemudiannya telah ditangkap dan tangan mereka digari. Responden kedua kemudiannya telah mengarahkan dua anggota polis untuk membuat kawalan di lobi hotel dan meninggalkan hanya responden pertama, responden kedua, SP1, SP11, SP12, Domo dan Ah Loon sahaja di dalam bilik 758 tersebut; F G

(f) semasa inilah dikatakan bahawa responden kedua telah memberitahu Ah Loon bahawa Ah Loon dan kawan-kawannya akan dibawa balik ke balai polis untuk ujian urin. Ah Loon telah merayu agar perkara ini dapat diselesaikan di situ tanpa perlu pergi ke balai polis. Pada peringkat inilah dikatakan responden kedua meminta wang sebanyak RM10,000 untuk menyelesaikan kes ini tanpa pergi ke balai polis. Ah Loon telah meminta dikurangkan kepada RM5,000 di mana responden kedua tidak bersetuju tetapi akhirnya bersetuju dengan jumlah RM6,000; H I

(g) responden pertama telah membuka gari tangan Ah Loon untuk membolehkan dia keluar mencari wang tersebut. Selepas daripada itu

responden pertama telah keluar daripada bilik 758 dan diganti oleh anggota polis lain yang bernama Parizan;

(h) Ah Loon pula dalam usaha mencari wang tersebut telah menelefon Ku Ah Chong ('SP3') untuk meminjam wang RM6,000 tetapi SP3 hanya mampu menyediakan RM4,000. SP3 bertanya kenapa ingin meminjam RM6,000 dan menurut SP3, Ah Loon memaklumkannya bahawa wang tersebut untuk diberikan kepada anggota polis narkotik untuk menyelesaikan kes urin di mana Ah Loon dan empat lagi rakannya ditahan di Sweet Star Hotel, Tandop;

(i) SP3 kemudiannya telah pergi ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Kedah dan membuat aduan sepertimana P8. Seterusnya pada jam lebih kurang 1 petang satu taklimat perangkap diadakan di pejabat SPRM Negeri Kedah oleh Penguasa Kanan SPRM, En Mohd Syukur bin Mahmud ('SP9') kepada anggota serbuan SPRM. Selesai taklimat SP3 telah dibekalkan dengan wang perangkap P11 yang diikat dengan P12 untuk diserahkan kepada Ah Loon;

(j) pada jam lebih kurang 2.10 petang, Penolong Penguasa SPRM, En Vit Wat a/l Ah Chan ('SP7') bersama-sama SP3 telah tiba di Sweet Star Hotel. SP3 kemudiannya telah menyerahkan P11 kepada Ah Loon dan setelah menerimanya, Ah Loon terus masuk ke bilik 758 dan menyerahkan P11 kepada responden kedua;

(k) responden kedua telah memarahi Ah Loon kerana menyerahkan hanya RM4,000 daripada RM6,000 yang dijanjikan dan mencampakkan P11 ke atas katil di mana SP12 sedang bersandar dan terus menggari Ah Loon. Melihatkan keadaan ini, SP11 telah berjanji kepada responden kedua untuk mendapatkan baki RM2,000 daripada nenek SP11 dan SP1 akan pergi mendapatkan wang itu. Responden kedua telah melepaskan SP1 dan SP1 keluar daripada bilik 758 untuk pergi mendapatkan wang dari nenek SP11. Semasa hendak keluar dari bilik 758, SP1 melihat responden kedua telah mengambil P11 dan memasukkan ke dalam poket sebelah dalam jaket responden pertama;

(l) setelah SP1 keluar daripada bilik 758, SP1 telah berjumpa dengan SP3 di lobi hotel dan SP1 sempat berbual dengan SP3 dan menyatakan bahawa SP1 telah dilepaskan bagi mencari wang RM2,000 kerana Ah Loon hanya membawa RM4,000 kepada polis sedangkan jumlah yang dijanjikan adalah RM6,000;

(m) SP3 juga telah menelefon SP12 dan SP12 mengesahkan bahawa wang tersebut telah diserahkan kepada polis. SP3 kemudiannya telah memaklumkan kepada SP7 berkaitan penyerahan wang ini dan SP7 telah mengangkat tangan sebagai isyarat penyerahan wang telah berlaku kepada semua pegawai SPRM yang berada di sekitar Sweet Star Hotel. Melihatkan isyarat tersebut, sepasukan pegawai SPRM telah terus

menuju ke bilik 758 dan Penolong Penguasa SPRM, En Mohd Zulfadli bin Nazarudin ('SP5') telah mengetuk pintu bilik 758. Pada masa itu responden kedua telah mengeluarkan wang P11 yang berada di dalam jaketnya dan meletakkan P11 di bawah selimut di atas katil ('katil 1') yang paling hampir dengan pintu dan kemudian responden kedua berbaring di atasnya. Responden kedua kemudiannya mengarahkan Kons Parizan untuk membuka pintu bilik tersebut;

(n) apabila pintu bilik dibuka, SP5 dan Penguasa SPRM, En Zul Azmi bin Yahya ('SP10') telah masuk ke dalam bilik tersebut dan memperkenalkan diri sebagai Pegawai SPRM. Pada masa itu kedudukan Kons Parizan adalah berdiri berhampiran pintu, responden kedua sedang berbaring di atas katil 1, Ah Loon, SP11 dan SP12 bergari dan duduk berdekatan katil yang bertentangan dengan pintu ('katil 2') dan Domo pula berada di atas katil 2 sedang menangis;

(o) responden kedua cuba untuk keluar daripada bilik 758 tetapi telah dihalang oleh SP5 lantas menolak responden kedua ke atas katil dan mengarahkan responden kedua dan Kons Parizan untuk duduk di atas katil. Penolong Kanan Penguasa SPRM, En Ahmad Faizul bin Abdul Rashid ('SP13') kemudiannya telah mengarahkan SP5 bersamanya untuk ke bilik 998 kerana terdapat beberapa orang lagi anggota polis berada di dalam bilik berkenaan. Semasa Kons Parizan berdiri untuk pemeriksaan badan. Selimut yang berada di atas katil telah terjatuh ke bawah lantai dan P11 kelihatan di atas katil tersebut. Seketika kemudian, responden pertama dan seorang lagi anggota polis bernama Izwan telah dibawa masuk ke dalam bilik 758; dan

(p) seterusnya responden pertama dan responden kedua telah ditangkap dan P11 telah disemak dengan disaksikan oleh kedua-dua responden bersama Parizan, SP6 dan SP13. Sesalinan P17 telah diserahkan kepada responden kedua memandangkan ketika P11 dijumpai responden kedua adalah merupakan pegawai polis paling kanan. Responden-responden dan barang kes kemudiannya dibawa balik ke pejabat SPRM Kedah bagi tujuan siasatan.

[4] Di akhir kes pendakwaan, HMS telah mendapati bahawa terdapat kes prima facie terhadap kedua-dua responden dan memerintahkan kedua-dua responden untuk membela diri. Responden pertama telah memilih untuk memberi keterangan tidak bersumpah daripada kandang tertuduh manakala responden kedua telah memberi keterangan bersumpah daripada kandang saksi sebagai ('SD1'). Seorang saksi iaitu Konstable Izwan bin Leman ('SD3') dipanggil sebagai saksi pembelaan.

KES PEMBELAAN

Pembelaan responden kedua (keterangan bersumpah) ('SD1')

[5] Keterangan pembelaan SD1 (iaitu responden kedua) secara bersumpah dapat disimpulkan seperti berikut:

(i) pada 19 dan 20 haribulan Oktober 2011 telah ditugaskan bersama anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik IPD Alor Setar di Sweet Star Hotel, Tandop untuk menangkap pengedar dadah;

(ii) SD1 telah pergi ke Sweet Star Hotel pada 19 Oktober 2011 jam 6.30 petang dan berada di bilik 998 untuk membuat pemantauan ke atas bilik 988;

(iii) responden pertama datang ke bilik 998 pada 20 Oktober 2011 jam 8.30 pagi dan SD1 telah maklumkan bahawa tiada apa-apa aktiviti yang mencurigakan di bilik 988;

(iv) selepas itu responden pertama bersama lain-lain anggota polis telah pergi ke bilik 988 untuk tujuan pemeriksaan dan tidak menjumpai apa-apa barang salah. Kemudian responden pertama telah pergi ke bilik 758 untuk tujuan pemeriksaan. Di dalam bilik tersebut dijumpai dua orang iaitu seorang lelaki India dan seorang perempuan cina sedang tidur di atas katil dan responden pertama telah kejutkan kedua-dua mereka;

(v) hasil pemeriksaan di dalam bilik 758 telah menjumpai dua paket plastik dadah disyaki syabu di dalam beg hitam di atas meja kecil di dalam bilik tersebut. Lelaki India yang berada di dalam bilik tersebut menafikan bahawa dadah tersebut miliknya tetapi kepunyaan seorang yang bernama Ah Loon yang telah keluar sekejap dan akan balik ke bilik itu. Kemudiannya Ah Loon telah kembali ke bilik tersebut bersama dua orang lelaki cina iaitu 'Ah Wang' dan 'Ah Seng'. Kedua-dua lelaki ini telah ditangkap apabila ke bilik tersebut;

(vi) semasa tangkapan ini terdapat 11 orang di dalam bilik 758 iaitu enam anggota polis termasuk kedua-dua responden dan lima suspek. Responden pertama kemudiannya mengarahkan SD1 untuk membuat pemantauan di luar bilik. SD1 telah keluar daripada bilik tersebut bersama Kons Parizan dan pintu bilik ditutup. SD1 tidak tahu apa yang berlaku di dalam bilik 758 kerana berada di luar bilik;

(vii) kemudiannya responden pertama telah memanggil SD1 bersama Kons Parizan untuk masuk ke dalam bilik dan memberi arahan untuk menjaga semua suspek dan bersedia untuk membuat tangkapan ke atas 'tokan' yang bernama Ah Yong sepertimana yang dijanjikan akan dibawa oleh Ah Loon. Ah Loon telah dibenarkan meninggalkan bilik tersebut.

Responden pertama pula bersama tiga anggota lain mengambil kedudukan di lobi hotel untuk membuat pemantauan; dan

(viii) selepas menunggu hampir dua jam, Ah Loon telah datang balik ke bilik 758 tanpa Ah Yong dan membawa bersamanya seikat wang kertas RM50 dan cuba menyerahkan kepada SD1 tetapi menurut SD1 dia telah menepis wang tersebut dan memarahi Ah Loon. Pada masa itu bilik tersebut telah diserbu oleh pegawai dari SPRM. SD1 menyatakan bahawa dia tidak sempat untuk maklumkan responden pertama atau pegawai atasannya Insp Farouk Fasha bin Basharudin ('SP14').

Pembelaan responden pertama (keterangan daripada kandang tertuduh) ('D22')

[6] Responden pertama memberi keterangan tidak bersumpah daripada kandang tertuduh secara bertulis dan ditandakan sebagai D22. Intipati keterangan tidak bersumpah responden pertama adalah:

(a) pada 20 Oktober 2011 jam lebih kurang 8.30 pagi telah sampai ke Sweet Star Hotel dan terus ke bilik 998 di mana telah ditempatkan beberapa anggota polis untuk membuat pemantauan ke atas bilik 988 atas arahan SP14;

(b) diberikan taklimat oleh responden kedua bahawa sasaran iaitu pengedar dadah tiada di dalam bilik tersebut oleh itu operasi tersebut ditamatkan. Sewaktu dalam perjalanan keluar responden pertama telah mendapat maklumat daripada sumber mengenai sekumpulan orang di dalam bilik 758 yang disyaki terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah. Responden pertama telah mengambil keputusan untuk membuat serbuan di bilik 758. Responden pertama mengetuk pintu bilik tersebut dan mendapati pintu bilik tidak berkunci. Responden pertama dan pasukannya telah masuk ke dalam bilik 758 tersebut dan mendapati seorang lelaki India yang memperkenalkan dirinya sebagai 'RAMU' (Ramuchandran a/l Alagu — SP12) dan seorang perempuan Cina sedang tidur lalu mengejutkan mereka dan memperkenalkan diri sebagai polis;

(c) pemeriksaan di dalam bilik tersebut menjumpai satu beg hitam di atas sebuah meja kecil dan di dalam beg hitam tersebut dijumpai dua paket plastik lutsinar disyaki mengandungi dadah syabu. Kedua-dua mereka ditangkap. Ramu telah menafikan dadah tersebut miliknya tetapi milik Ah Loon dan Ah Loon telah keluar dan akan pulang semula ke bilik tersebut. Ramu telah membuat panggilan telefon kepada Ah Loon. Selepas menelefon Ah Loon, Ramu memaklumkan bahawa Ah Loon telah berada di depan hotel tersebut;

(d) Ah Loon telah balik ke bilik 758 tersebut bersama dua orang lagi rakannya iaitu AH WANG (Khoo Shu Wang — SP11) dan AH SENG. Ketiga-tiga mereka juga ditangkap apabila memasuki bilik 758 tersebut;

(e) responden pertama telah mengarahkan responden kedua dan Kons Parizan supaya mengawal di luar bilik tersebut manakala responden pertama telah membuat soal-siasat ke atas ketiga-tiga lelaki Cina yang baru masuk ke bilik tersebut. Ketiga-tiga lelaki Cina tersebut mengaku terlibat dengan penagihan dadah dan Ah Loon telah berjanji untuk memberi kerjasama untuk menangkap pengedar dadah yang bernama 'AH YONG'. Di atas sebab itu, responden pertama telah membenarkan Ah Loon keluar dari bilik untuk bekerjasama dalam memerangkap 'AH YONG' dan pada masa yang sama responden pertama telah mengarahkan responden kedua dan Kons Parizan untuk menunggu dan mengawal di dalam bilik 758 tersebut dan untuk menangkap AH YONG jika AH YONG masuk ke dalam bilik tersebut; dan

(f) responden pertama pula bersama anggota lain telah keluar untuk membuat pemantauan di luar bilik dan pada masa membuat pemantauan tersebut telah menahan satu lelaki Cina dan satu perempuan warga Thai dan semasa pemeriksaan kandungan beg sandang lelaki Cina tersebut dijumpai enam paket plastik lutsinar berisi dadah disyakki syabu dan seterusnya lelaki Cina itu ditangkap. Kedua-dua tangkapan ini juga di bawa balik ke bilik 758 kerana suspek ingin memberi kerjasama untuk menangkap pengedar dadah. Semasa perbincangan bersama suspek-suspek ini, pintu bilik 758 telah diketuk dan responden pertama membuka pintu tersebut dan pada masa ini pegawai SPRM telah menyerbu dan membuat tangkapan ke atas responden pertama.

DAPATAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN DI AKHIR PERBICARAAN

[7] Di akhir kes pembelaan, HMS telah mendapati bahawa kedua-dua responden telah berjaya mematahkan anggapan statutori di bawah s 50 ASPRM 2009 atas tahap imbangan kebarangkalian dan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan dan seterusnya memerintahkan kedua-dua responden dilepas dan dibebaskan daripada ketiga-tiga pertuduhan yang mereka hadapi. Antara dapatan yang penting HMS adalah seperti berikut:

(a) keterangan tidak bersumpah responden pertama telah disokong oleh keterangan SP14, SD1 dan SD3;

(b) kehadiran responden pertama dan responden kedua ke Sweet Star Hotel adalah atas arahan SP14 untuk membuat intipan dan tangkapan berkaitan dadah dan melumpuhkan sindiket dadah yang beroperasi di Sweet Star Hotel;

(c) kedua-dua responden menyatakan bahawa arahan SP14 adalah untuk menangkap 'tokan' (pengedar dadah). HMS mendapati bahawa fakta ini disokong oleh keterangan SD3;

(d) SD3 di dalam keterangan menyatakan bahawa dia berada di belakang responden pertama semasa responden pertama bercakap dengan Ah Loon tetapi beliau tidak mendengar responden pertama meminta wang daripada Ah Loon;

(e) keterangan responden pertama bahawa beliau melepaskan Ah Loon untuk pergi mendapatkan tokan dadah telah diwujudkan seawal mungkin iaitu semasa pernyataan responden pertama dirakam oleh pihak SPRM ('eksh D20') dan begitu juga responden kedua melalui D21;

(f) 'Pihak Pendakwaan telah menimbulkan keraguan kepada keterangan SD3 dengan merujuk kepada pernyataan dalam pemeriksaan SD3 kepada pihak SPRM. SD3 telah memberikan penjelasannya dan menegaskan bahawa keterangan beliau di dalam mahkamah adalah benar' (rujuk alasan penghakiman HMS di ms 42 perenggan (10) *Jld* 1); dan

(g) HMS di dalam dapatannya menyatakan bahawa saksi pendakwaan melalui keterangan mereka menyatakan bahawa kedua-dua responden telah meminta wang RM10,000 daripada Pua Chai Loong dan selepas tawar menawar telah menyetujui terima RM6,000 dan akhirnya telah menerima RM4,000 sebagai rasuah. Manakala keterangan pembelaan menegaskan tiada permintaan dan persetujuan menerima wang sebaliknya responden pertama meminta Pua Chai Loong pergi mendapatkan tokan dadah tetapi Pua Chai Loong tidak membawa tokan dadah sepertimana disuruh tetapi sebaliknya telah mendapatkan wang untuk memberi rasuah. HMS menyatakan bahawa terdapat dua inferen dan memandangkan bahawa Pua Chai Loong tidak dipanggil sebagai saksi, mahkamah menerima inferen yang lebih memihak kepada responden.

RAYUAN INI

[8] Berdasarkan petisyen rayuan, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga alasan rayuan yang utama yang dibangkitkan oleh pihak perayu. Alasan-alasan tersebut adalah seperti berikut:

(a) HMS telah terkhilaf dari segi fakta dan/atau undang-undang apabila memutuskan bahawa pihak pembelaan telah berjaya menwujudkan keraguan ke atas kes pendakwaan dan juga memutuskan bahawa pihak responden-responden telah berjaya menyangkal anggapan di bawah s 50 ASPRM 2009;

(b) HMS telah terkhilaf dari segi fakta dan/atau undang-undang apabila memutuskan untuk menerima keterangan SD3 sedangkan keterangan

SD3 bertentangan dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan bersifat pemikiran terkemudian dan tambahan pula prosiding mencabar kebolehpercayaan saksi (*impeachment proceeding*) telah dijalankan ke atas SD3; dan

(c) HMS telah tersalah arah yang serius apabila memutuskan bahawa kegagalan pihak pendakwaan memanggil Pua Chai Loong sebagai saksi telah membangkitkan anggapan sebaliknya kepada kes pendakwaan dan ini adalah bertentangan dengan keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[9] Seksyen 50 ASPRM memperuntukkan bahawa:

> (1) Where in any proceedings against any person for an offence under section 16, 17, 18, 20, 21, 22 or 23 it is proved that any gratification has been received or agreed to be received, accepted or agreed to be accepted, obtained or attempted to be obtained, solicited, given or agreed to be given, promised, or offered, by or to the accused, *the gratification shall be presumed to have been corruptly received or agreed to be received, accepted or agreed to be accepted, obtained or attempted to be obtained, solicited, given or agreed to be given, promised, or offered as an inducement or a reward for or on account of the matters set out in the particulars of the offence, unless the contrary is proved*.

[10] Pihak responden hanya perlu menyangkal anggapan di bawah s 50 ASPRM ini atas imbangan kebarangkalian. Di dalam kes *Thavanathan a/l Balasubramaniam v Public Prosecutor* [1997] 2 MLJ 401; [1997] 3 CLJ 150 di mana Mahkamah Persekutuan menggariskan prinsip bahawa:

> ... once it was proved that the money $15,000 had been given to or received by the accused, the presumption under s 14 of the Prevention of Corruption Act 1961 arose that the money had been given and received corruptly as an inducement or reward to acquit and discharge PW2 of the offence in the criminal case, and it was for the accused to give an innocent explanation which the court considered more likely than not that it was true, ie on a balance of probabilities, the test applied in civil proceedings. *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 (PC) ...

Juga merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan *Public Prosecutor v Ku Yahya Ku Bahari & Anor* [2002] 1 CLJ 113, Abdul Hamid Mohamad JCA (pada masa itu) menyatakan bahawa:

> The comments of the learned High Court judge on this passage is as follows:
>
> > When the prosecution is minded in invoking the presumption then the particular burden of proof, as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumption on a balance of probabilities. This from a defence point of view is heavier than the burden of casting a reasonable doubt, but is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. So much for the law.

> Judging from the tenor of the grounds of the learned sessions court judge, it would seem patently clear that he had invoked presumption of s 14 of the said Act, when calling for the defence of both the accused for the charge under s 4 of the said Act. Having done so, it behoves then on the defence to rebut this presumption on a balance of probabilities. The learned sessions court judge failed to appreciate the distinction involved, when invoking the said presumption, in terms of the burden of proof, which as I have mentioned, rests with the accused, to rebut on a balance of probabilities. The learned sessions court judge instead went on to hold, that having heard the defence of both the accused, which was a complete denial, the accused, had failed to create a doubt in the prosecution's case. This is obviously a misdirection of law, as it should have been held that the accused had failed to rebut the presumption invoked under s 14 of the Act, on a balance of probabilities for the charge under s 4(a) of the Act.
>
> The learned sessions court judge, has also to my mind in a very cursory manner dismissed the defences of both the accused on the charges, both under ss 3(a)(ii) and 4(a) of the said Act by this singular statement. To my mind it is incumbent on the learned sessions court judge, as a separate exercise to decide whether the charges under s 3(a)(ii) of the Act has been established beyond reasonable doubt by the prosecution, or if the presumption was invoked, whether the accused has rebutted it, on a balance of probabilities. I wish to reiterate that even if the presumption is invoked it does not detract the duty of the prosecution to still prove its case beyond reasonable doubt. The learned judge has not done so, and this in itself is enough to occasion a miscarriage of justice.
>
> The judgment of the learned judge is very clear to us. We have no reason to disagree with him.

[11] Pihak perayu berhujah bahawa kes pembelaan adalah satu penafian semata-mata dan juga pemikiran semula (*after thought*). Pihak perayu di dalam hujahnya merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195, dan kes-kes Mahkamah Tinggi *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324 dan kes *Shaiful Nizam Sulaiman v Public Prosecutor* [2004] 2 CLJ 121.

[12] Saya mendapati bahawa HMS telah memberi penilaian sewajarnya dalam meneliti keterangan responden pertama yang memberikan pernyataan tidak bersumpah daripada kandang tertuduh melalui D22. Pembelaan melalui pernyataan tertuduh tanpa sumpah yang diberi dari kandang tertuduh mempunyai nilai yang kurang kerana tidak tertakluk kepada soalan balas tetapi perlu di perhalusi oleh hakim bicara. Saya merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan, *Nguyen Quoc Viet v Public Prosecutor* [2016] 2 MLJ 106; [2016] 1 CLJ 365 dimana dinyatakan bahawa:

> [18] The appellant gave an unsworn statement in his defence. An unsworn statement is not evidence as it is not given under oath and the accused cannot be cross-examined on his unsworn statement — see *Public Prosecutor v Sanassi* [1970] 2 MLJ 198; [1970] 1 LNS 118 ; *Wong Heng Fatt v Public Prosecutor* [1958] 1 LNS

96; *Mohamed Salleh v Public Prosecutor* [1969] 1 MLJ 104; [1968] 1 LNS 80. *Such a statement carries little weight as he is not subject to cross-examination by the prosecution nor can he be questioned by the trial judge — see Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2015] 2 MLJ 293; [2015] 2 CLJ 145. *However, for what it is worth the unsworn statement must be evaluated by the trial judge although it may not be, strictly speaking, evidence and conclude whether though of little weightage, it has not or it has nevertheless created a reasonable doubt upon the prosecution's case, regard being had to the surrounding circumstances and other available evidence that may corroborate the unsworn statement* — see *Lee Boon Gan (F) v Regina* [1954] 2 MLJ 103; [1954] 1 LNS 39.

[13] Rujukan juga dibuat kepada kes Mahkamah Persekutuan, *Ganapathy a/l Rengasamy v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 577; [1998] 2 CLJ 1 di mana telah dinyatakan bahawa:

> It needs to be remembered that however weak a defence may be, trial judges being judges of both fact and law should not just brush aside the defence on the basis that the prosecution witnesses are to be believed and not the defence. Where the law casts the onus of giving an explanation upon an accused person, and the explanation is given, which if consistent with innocence, the court is duty bound to consider whether it might reasonably be true, although not convinced of its truth. On the issue of the court's duty to consider the defence, the age old decision in *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263 is still good law today as it was then.

[14] Berdasarkan fakta kes ini, adalah jelas bahawa kehadiran kedua-dua responden ke Sweet Star Hotel untuk membuat pemantauan adalah atas arahan SP14. Selanjutnya arahan SP14 adalah untuk menangkap 'tokan' dadah' dan melumpuhkan sindiket dadah yang beroperasi dari hotel tersebut. Dapatan HMS bahawa keterangan tidak bersumpah responden pertama melalui D22 disokong oleh keterangan SP14 ada asasnya. Malah jika diteliti D22 dengan D20 iaitu pernyataaan dalam pemeriksaan yang dirakamkan di bawah s 53(3) ASPRM 2009 pada 21 Oktober 2011 iaitu sehari selepas tangkapan. Keterangan responden pertama bahawa beliau melepaskan *Ah Loon* untuk pergi mendapatkan tokan dadah telah diwujudkan seawal yang boleh melalui D20 ini. Di dalam D20 ini responden pertama telah menyatakan perbualannya dengan *Ah Loon* seperti berikut:

> ... Saya memperkenalkan diri sebagai anggota polis, saya soal siasat mereka, mereka mengatakan mereka datang untuk ambil kawan mereka lelaki India dan amoi Cina itu. Sambil itu saya tanya mereka adakah mereka hisap dadah jenis *ice*, salah seorang lelaki Cina itu minta kawtim buat kawan yang mana dia adalah taukeh kedai *tinted* kereta di jalan pegawai di Alor Setar. Saya beritahu Cina ini kalau mau kawtim sama saya boleh tapi bagi tahu mana nama taukeh yang menjual dadah *ice* pada mereka dan suruh taukeh ini datang untuk saya tangkap. Lelaki Cina ini bersetuju tapi minta dia yang pergi jemput. Lelaki Cina yang berbaju t-shirt putih minta kebenaran untuk keluar dari bilik cari taukeh yang jual dadah ini dan bawa ke bilik itu, saya benarkan ...

[15] Perayu di dalam hujahnya menyatakan bahawa keterangan responden kedua sama ada terdapat permintaan daripada responden pertama sama sekali tidak menyokong keterangan tidak bersumpah responden pertama atas alasan bahawa responden pertama berada di luar bilik ketika arahan untuk Ah Loon dapatkan tokan dadah dengan merujuk kepada rekod rayuan *Jld* 4 ms 320 semasa pemeriksaan utama dan soal balas di ms 325 *Jld* yang sama. Jika diteliti rekod rayuan tersebut, saya mendapati hujah perayu tersasar kerana tiada soalan spesifik ditujukan kepada saksi semasa pemeriksaan utama. SD1 di dalam soalan balas menyatakan bahawa dia mengetahui selepas dimaklumkan oleh responden pertama kemudiannya. Untuk meneliti keterangan tersebut saya perturunkan nota keterangan yang berkenaan:

Pemeriksaan Utama SD1

S: Selepas itu bila semua suspek ada disitu, kamu pun berada disitu, adakah SI Nadzri beri apa-apa arahan lanjut kepada kamu?

J: Ada. SI Nadzri beri arahan kepada saya untuk buat pemantauan diluar bilik

S: Buat pemantauan di luar bilik bermaksud perlu keluar bilik. Adakah kamu keluar bilik untuk buat pemantauan seorang diri atau dengan orang lain?

J: Saya keluar bersama seorang lagi anggota iaitu Konst, Parizan.

S: Bila keluar daripada bilik tersebut untuk buat pemantauan adakah pintu masuk ke bilik itu buka atau tutup?

T: Tutup

S: Jadi kamu tahu atau tidak apa yang berlaku di dalam bilik tersebut?

J: Tidak tahu.

Soalan Balas SD1

S: Semasa SI Nadzri membenarkan *Ah Loon* keluar dari bilik, katanya untuk bawa Ah Yong, di mana En. Razali berada?

J: Saya berada di luar bilik.

S: Jadi semasa kebenaran Ah Loon untuk keluar dari bilik, adakah kamu tahu *Ah Loon* keluar untuk apa?

J: Saya tidak tahu

...

S: Jadi macamana En Razali tahu yang *Ah Loon* akan datang bawa Ah Yong. Macam mana tahu?

J: Selepas saya dipanggil oleh SI Nadzri ke dalam bilik, dia beritahu bahawa *Ah Loon* akan keluar untuk bawa 1 tokan besar ke hotel tersebut.

[16] Pihak perayu juga berhujah bahawa keterangan bersumpah responden kedua adalah merupakan satu penafian dan pemikiran terkemudian. Menurut perayu, responden kedua menafikan berada di dalam bilik semasa perbincangan berlaku tetapi berada di luar bilik bersama Konst Parizam. Hujah perayu lagi responden pertama dan responden kedua berada di dalam bilik semasa perbincangan berlaku dan ini disahkan oleh SP1, SP11 dan SP13. Tetapi jika diteliti keterangan saksi SP11 terutama di ms 230–231 *Jld* 3 ini, SP11 tidak mendengar apa-apa perbincangan di antara sesiapa pun dengan *Ah Loon* tetapi mendapat tahu daripada *Ah Loon*. Yang memberi kepastian bahawa terdapat perbincangan antara Ah Loon dan responden pertama adalah SP1. Amat meragukan bagaimana SP1 dapat mendengar dengar jelas segala butiran apa yang dikatakan di dalam perbincangan tersebut tanpa didengari oleh SP11 memandangkan mereka semua berada di dalam satu bilik hotel. SP13 memasuki bilik 758 tersebut selepas tangkapan berlaku bukannya semasa perbincangan.

[17] Oleh itu dapatan HMS dalam menyatakan bahawa terdapat dua fakta bertentangan iaitu versi saksi pendakwaan melalui keterangan mereka menyatakan bahawa kedua-dua responden telah meminta wang RM10,000 daripada Pua Chai Loong dan selepas tawar menawar telah menyetujui terima RM6,000 dan akhirnya telah menerima RM4,000 sebagai rasuah. Manakala keterangan pembelaan menegaskan tiada permintaan dan persetujuan menerima wang sebaliknya responden pertama meminta Pua Chai Loong pergi mendapatkan tokan dadah tetapi Pua Chai Loong tidak membawa tokan dadah sepertimana disuruh tetapi sebaliknya telah mendapatkan wang untuk memberi rasuah. HMS menyatakan bahawa terdapat dua inferen dan memandangkan bahawa Pua Chai Loong tidak dipanggil sebagai saksi, mahkamah menerima inferen yang lebih memihak kepada responden.

[18] Peguam perayu mengesa mahkamah menolak dapatan HMS ini dan tidak menggunakan s 114(g) Akta Keterangan 1950 kepada pihak pendakwaan atas kegagalan memanggil Pua Chai Loong (Ah Loon) untuk memberi keterangan. Perayu merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan, *Low Kian Boon & Anor v Public Prosecutor* [2010] 4 MLJ 425 di mana diputuskan bahawa:

> [38] Learned counsel for both the appellant made reference to *Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16 to suggest that the non-calling of witnesses such as Sathiya who was with SP8, and Pang Tze Ling who is a sister of DW4, should give rise to adverse inferences. The answer to this is stated by Augustine Paul J (as he then was) in *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1 (HC):
>
> > *It is settled law that in a criminal trial the prosecution has a discretion, provided that there is no wrong motive, as to whether or not to call any particular witness and in particular has a discretion not to call in support of its case a witness whom it does not*

believe to be a witness of truth (see *Khoon Chye Hin v Public Prosecutor* [1961] 1 MLJ 105b, *Adel Muhammed el Dabbah v A-G for Palestine* [1944] AC 156). *There is no obligation compelling the prosecution to call all witnesses who speak to facts which it desires to prove (see Malak Khan v Emperor* 72 IA 305; AIR 1946 PC 16). Thus, *the prosecution is not duty bound to call all the witnesses from whom statements may have been taken* (see *Public Prosecutor v Teh Cheng Poh* [1980] 1 MLJ 251). *This accords with s 134 of the Evidence Act 1950 which provides that no particular number of witnesses shall in any case be required for the proof of any fact. This section enshrines the well recognised maxim that 'evidence has to be weighed and not counted'*. As a general rule, a court can and may act on the testimony of a single witness though uncorroborated and one credible witness outweighs the testimony of a number of other witnesses of indifferent character (see *Vadivelu Thevar v The State of Madras* 1957 AIR 614). *What is significant is that the prosecution must call the necessary witnesses to unfold the narrative upon which its case is based …*

[19] Perayu berhujah bahawa anggapan s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai sekiranya ada keterangan yang menyokong sesuatu fakta. Saya mendapati bahawa di dalam kes ini, jika ada sekalipun perbincangan, ia adalah antara responden pertama dan *Ah Loon*. SP1 memberi keterangan bahawa dia mendengar semua perbincangan tersebut yang berlaku di dalam bilik 758 di hotel tersebut tetapi SP13 yang juga berada di dalam bilik hanya mengetahuinya setelah diberitahu oleh *Ah Loon.* Responden pertama menafikan terdapat perbincangan tentang permintaan wang rasuah tetapi untuk memerangkap tokan dadah. Oleh itu setelah meneliti keterangan pembelaan, HMS adalah betul di dalam dapatannya berkaitan dua inferen yang berbangkit. *Ah Loon* adalah saksi yang material. Berdasarkan kaedah keterangan terbaik, *Ah Loon* sepatutnya dipanggil untuk memberi keterangan. Di dalam kes Mahkamah Agong, *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492 dengan jelas dinyatakan bahawa:

It is essential to appreciate the scope of s 114(g) lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, or for non-production of *not just any witness but an important and material witness to the case.*

[20] Tidak ada apa-apa keterangan yang menjurus kenapa saksi ini tidak dipanggil memberi keterangan. Saksi pendakwaan Penolong Penguasa Zurazman bin Noh ('SP15') adalah pegawai penyiasat di dalam kes ini dan di dalam keterangannya menyatakan seperti berikut berkaitan Pua Chai Loong:

S: Sebentar tadi menurut keterangan En Zurazaman, semasa En Zurazaman masuk ke bilik 758 seorang lelaki Cina bernama *Ah Loon* dan Ah Wang, seorang lelaki India bernama Ramu dan seorang perempuan Cina bernama Domo. Sewaktu kes ini telah selesai

A disiasat oleh En. Zurazaman, di manakah keempat-empat mereka ini sekarang?

J: *Ah Loon* dikatakan berada di Johor, Ah Wang di Alor Setar, Ramu di Alor Setar. Domo juga di Alor Setar.

B S: Dalam keempat-emppat mereka ini, selepas siasatan pernah berjumpa dengan mereka?

J: Saya hanya berjumpa dengan Ah Wang, Ramu dan perempuan Cina Domo.

C S: Bagaimana dengan *Ah Loon*?

J: *Ah Loon* saya tidak dapat menjejaki di mana beliau berada.

[21] Tiada keterangan diberikan berkaitan usaha yang telah diambil untuk mengesan saksi ini walaupun berdasarkan keterangan saksi SP15 Ah Loon D dipercayai berada di Johor atau sekurang-kurangnya percakapan saksi ini dimasukkan melalui s 32(i) Akta Keterangan 1950 dan oleh itu saya mendapati bahawa tiada silapnya HMS mencapai dapatan di perenggan 5(vi) di atas.

E **[22]** Isu seterusnya adalah berkaitan keterangan saksi pembelaan Kons Izwan bin Leman ('SD3'). HMS membuat dapatan bahawa keterangan kedua-dua responden disokong oleh keterangan daripada saksi SD3. Perayu berpendirian sebaliknya dengan menegaskan bahawa saksi SD3 ini telah dijalankan prosiding *impeachment* dan 'HMS dalam perkara ini telah F mengakui bahawa pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan kepada keterangan SD3 yang didapati memberikan keterangan yang berbeza daripada rakaman percakapan beliau' (petikan daripada hujah perayu di ms 21). Jika ditelliti penghakiman HMS di ms 42 *Jld* 1, apa yang dicatatkan oleh HMS adalah bahawa pihak pendakwaan telah menimbulkan keraguan G kepada keterangan SD3 dengan merujuk kepada pernyataan dalam pemeriksaan SD3 kepada pihak SPRM. SD3 telah memberikan penjelasannya dan menegaskan keterangan beliau di dalam mahkamah adalah benar perlu diteliti secara menyeluruh dan di terima mahkamah bicara.

H **[23]** Pihak perayu berhujah sedemikian atas alasan bahawa prosiding *impeachment* telah dijalankan terhadap SD3 tetapi penelitian nota keterangan berkenaan isu berkenaan terutama di ms 346 *Jld* 4 rekod rayuan tidak menunjukkan bahawa tatacara prosiding *impeachment* tersebut dipatuhi kerana pendakwaan hanya meminta penjelasan daripada SD3 dengan merujuk I kepada keterangan lisan SD3 di mahkamah yang dikatakan bercanggah dengan percakapan yang diambil dari SD3 pada 29 Julai 2013 di bawah s 30(8) ASPRM 2009 ('eksh P23'). Seksyen 155 Akta Keterangan 1950 perlu dibaca bersekali dengan s 145(1) dan (2) Akta yang sama (*CGU Insurance Bhd v Asean Security Paper Mills Sdn Bhd* [2006] 3 MLJ 1). Seksyen 155 Akta Keterangan

1950 adalah jelas dan memperuntukkan bahawa: A

The credit of a witness may be impeached in the following ways by the adverse party or, with the consent of the court, by the party who calls him:

(a) by the evidence of persons who testify that they from their knowledge of the witness believe him to be unworthy of credit; B

(b) by proof that the witness has been bribed, or has accepted the offer of a bribe, or has received any other corrupt inducement to give his evidence;

(c) by proof of former statements inconsistent with any part of his evidence which is liable to be contradicted; C

[24] Tatacara prosiding *impeachment* telah digariskan di dalam kes *Muthusamy v Public Prosecutor* [1948] 1 MLJ 57 seperti berikut:

The proper way to apply the sections is this. On the request of either side, the court reads the former statement. If there is no serious discrepancy the court so rules and no time is wasted. The first necessity is to read it with the confident expectation that it will be different from the evidence but looking judicially to see whether the difference really is so serious as to suggest that the witness is unreliable. D

Differences may be divided into four classes: E

(a) minor differences, not amounting to discrepancies;

(b) apparent discrepancies;

(c) serious discrepancies; and

(d) material contradictions. F

Minor differences are attributable mainly to differences in interpretation and the way in which the statement was taken and sometimes to differences in recollection. A perfectly truthful witness may mention a detail on one occasion and not remember it on another. A mere omission is hardly ever a discrepancy. The police statement is usually much briefer than the evidence. Both the statement and the evidence are usually narratives reduced from question and answer. The witness is not responsible for the actual expressions used in either, and all the less so where he does not speak English. G

If the police statement gives an outline of substantially the same story there being no apparently irreconcilable conflict between the two on any point material to the issue, the Magistrate should say at once H

'The difference is not such as to affect his credit' and hand the statement back.

If, however, the difference is so material as probably to amount to a discrepancy affecting the credit of the witness, the Court may permit the witness to be asked whether he made the alleged statement. If he denies having made it, then either the matter must be dropped or the document must be formally proved, by calling the writer or, if he is not available, by proving in some other way that the witness did make the statement. I

If the witness admits making the former statement, or is proved to have made it, then the two conflicting versions must be carefully explained to him, preferably by the court, and he must have a fair and full opportunity to explain the difference. If he can, then his credit is saved, though there may still be doubt as to the accuracy of his memory. This procedure is cumbersome and slow and therefore should not be used unless the apparent discrepancy is material to the issue.

[25] Keputusan kes *Muthusamy* ini telah diterima oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Krishnan & Anor v Public Prosecutor* [1981] 2 MLJ 121 di mana dinyatakan bahawa:

The procedure adopted by the learned trial judge in that case as well as in this case was a time-honoured procedure which was laid down by Mr Justice Taylor in *Muthusamy v Public Prosecutor* [1948] 1 MLJ 57. This procedure has been accepted and consistently followed by courts in this country and we see no reason to depart from it.

One of the methods to impeach the credit of a witness is by proof of his former statement inconsistent with the evidence which is liable to be contradicted. This is enacted by s 155(c) of the Evidence Act, according to which impeachment essentially consists of two elements:

(a) contradicting the witness' evidence; ie confronting him with the inconsistent statement; and

(b) *proof of the statement*.

As regards contradicting, the second limb of s 145(1) of the Act requires the party who conducts the impeachment to draw the witness' attention to the inconsistent part of his statement, before confronting him with it. This rule is similar to the provision of s 5 of the Criminal Procedure Act 1865 of the United Kingdom; its intention being to give the witness an opportunity of either explaining away the inconsistent part of the statement or correcting his evidence so as to remove the inconsistency. If as a result of his explanation or correction, there is no more inconsistency, the matter ends there, otherwise the witness is liable to be contradicted. Thus as a first step it is essential that the court should be given the discretion to determine a preliminary question whether the witness' former statement is inconsistent with his evidence, otherwise much time will be wasted if it is found later that his former statement is not really irreconcilable with his evidence. We therefore think that it is a good procedure that a judge should be shown the statement as a first step in the impeachment procedure.

[26] Tambahan pula jika diteliti terdapat dua percakapan dalam pemeriksaan dirakamkan oleh pihak SPRM terhadap SD3. Pernyataan pertama adalah pada 21 Oktober 2011 di bawah s 53(3) ASPRM 2009 (*P24 — ms 529–535 rekod rayuan Jld 6*) dan pernyataan kedua adalah pada 29 Julai 2013 di bawah s 30(8) ASPRM 2009 (*P23 — ms 522–528 rekod rayuan Jld 6*). Yang dirujuk oleh pihak pendakwaan bagi tujuan prosiding *impeachment* adalah pernyataan dalam pemeriksaan SD3 pada 29 Julai 2013. Jika dibandingkan kedua-dua dokumen ini, kandungannya adalah secara

matannnya adalah sama dan apabila SD3 ditanya berkaitan perkara ini, SD3 menyatakan bahawa dia hanya tandatangan sahaja selepas di 'print' (*ms 356 rekod rayuan Jld 4*). Pihak pendakwaan gagal membuktikan kesahihan P23 ini.

KESIMPULAN

[27] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang saya nyatakan di atas, saya menolak rayuan perayu dan oleh yang demikian keputusan HMS dalam melepas dan membebaskan kedua-dua responden dikekalkan.

Rayuan perayu ditolak; keputusan HMS dalam melepas dan membebaskan kedua-dua responden dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar